

**SOALAN NO: 90**

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN LIEW CHIN TONG**  
**KAWASAN : KLUANG**  
**TARIKH : 31 JULAI 2017, ISNIN**

**SOALAN:**

**YB. TUAN LIEW CHIN TONG** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status pelaksanaan, kos, tarikh jangka mula dan siap bagi kerja-kerja di FT50:

- (a) pemasangan tembok pembahagi jalan, lampu jalan, dan road stud di Jalan Batu Pahat-Mersing selepas Kampung Sri Lalang; dan
- (b) kerja naik taraf simpang jalan masuk ke Kampung Sri Tambak dari Jalan Mersing.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya mengambil maklum dan sentiasa prihatin dengan keselamatan pengguna jalanraya di laluan FT 50. Dalam usaha meningkatkan tahap keselamatan, kerja pemasangan lampu jalan, papan tanda dan perabut jalan telah dilaksanakan bagi mengurangkan risiko kemalangan.

Kementerian telah bersetuju untuk meluluskan peruntukkan sebanyak RM 200,000 bagi skop pemasangan lampu jalan di laluan FT 50 Jalan Batu Pahat – Mersing selepas Plaza Tol Ayer Hitam ke Kg. Sri Lalang iaitu di seksyen km38.5 hingga km39.1. Kerja-kerja ini telah dimulakan pada 16 Julai 2017 dan dijangka siap pada 9 September 2017.

Di samping itu, Kementerian ini juga berhasrat untuk menambah bilangan lampu jalan pada masa hadapan terutama di kawasan berisiko kemalangan di sepanjang laluan tersebut.

Untuk inisiatif jangka panjang pula, Kementerian ini telah membuat permohonan kepada Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri bagi pembinaan tembok pembahagi jalan (median) dan pusingan 'U' di sepanjang lokasi laluan ini di dalam Rolling Plan ke-3 (2018-2019) RMK11.

Walaupun bagaimanapun, pelaksanaan projek ini tertakluk kepada kelulusan daripada agensi pusat berkenaan.

- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengenai kerja naik taraf simpang jalan masuk ke Kg. Seri Tambak dari Jalan Mersing, kementerian ini dimaklumkan bahawa Jurutera Daerah Kluang telah membuat permohonan kepada JKR Johor untuk melebarkan jalan susur masuk dan keluar ke kampung berkenaan dengan anggaran kos sebanyak RM 200,000 di bawah peruntukan kementerian ini. Sehubungan itu, kementerian ini akan meneliti cadangan projek berkenaan setelah menerima permohonan daripada JKR Negeri Johor.

Sekian, terima kasih.